

13 FEB 1998

Mahathir-Pertandingan

TIADA SEKATAN PERTANDINGAN KECUALI DUA BAHAGIAN DI KELANTAN

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini membuat keputusan bahawa semua jawatan di peringkat bahagian di seluruh negara boleh dipertandingan kecuali jawatan Ketua Bahagian dan Timbalan Ketua Bahagian Gua Musang dan Peringat di Kelantan.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, MT telah membuat keputusan bahawa jawatan Ketua Bahagian Gua Musang diberi kepada bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah manakala jawatan timbalan diserahkan kepada bekas ketuanya, Saupi Deraman.

Bagi bahagian Peringat pula, Dr Mahathir berkata, kedudukan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa sebagai Ketua Bahagian itu dikekalkan manakala Anggota Dewan Undangan Negeri Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir diberikan jawatan Timbalan Ketua Bahagian itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau akan merasa terkilan jika nasihatnya supaya kesemua jawatan Ketua Bahagian tidak dipertandingkan manakala anggota MT yang menyandang jawatan Ketua Bahagian tidak boleh dicabar dan mereka juga tidak boleh mencabar Ketua-ketua Bahagian yang sedia ada, tidak dipatuhi.

"Saya akan berasa terkilan kerana tak patuh kepada nasihat presiden (supaya mengelakkan pertandingan bagi kategori-kategori itu). Kalau dalam parti pemimpin punya nasihat tak diendah, saya ingat sukarlah bagi parti untuk berjalan dengan baik," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat selama tiga jam di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT bulan lepas telah membuat keputusan supaya anggota-anggota MT yang bukan Ketua Bahagian tidak boleh mencabar Ketua-ketua Bahagian yang sedia manakala kedudukan anggota-anggota MT yang terdiri daripada Ketua-ketua Bahagian juga tidak boleh dicabar oleh anggota-anggota yang lain.

Mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri Kelantan yang beliau pengerusikan hujung bulan lepas pula membuat keputusan bahawa semua jawatan Ketua Bahagian di negeri itu tidak dipertandingkan, kecuali Gua Musang kerana Saupi telah bersetuju untuk menyerahkan jawatannya kepada Tengku Razaleigh.

"Sekali lagi ini merupakan nasihat walaupun dia berbentuk nasihat presiden yang sepatutnya ditafsir seperti nasihat Penasihat British dulu (semasa penjajahan British di Malaysia) apabila nasihat itu patutlah dipatuhi.

"Namun demikian kalau tidak dipatuhi, tak ada apa yang kita boleh buat .... Saya nasihat sahaja. Kalau tak ikut, terkilannya saya," katanya ketika ditanya perasaan beliau jika anggota-anggota Umno masih terus mahu mengadakan pertandingan bagi jawatan-jawatan di peringkat bahagian apabila kesemua 165 bahagian-bahagian Umno mula bersidang dari 12 Mac hingga 29 Mac depan.

Ketika diminta mengulas mengenai pelbagai pendapat yang dikemukakan oleh anggota-anggota parti itu berhubung nasihat beliau supaya mengelakkan pertandingan, Dr Mahathir berkata, semua orang mempunyai pendapat dan sudah pasti ada pendapat yang bercanggah antara satu sama yang lain.

"Memang ada pendapat. Saya pun ada pendapat kenapa tak patut ada pertandingan tapi kalau nak kira pendapat memang bercanggahlah.

"Orang yang nak lawan dia memang ada pendapat bahawa patut ada (pertandingan). Orang yang tak hendak dicabar (pula) dia memang ada

pendapat bahawa tak patut ada," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau menasihatkan supaya pertandingan dielakkan dengan tujuan untuk menjaga perpaduan di dalam parti tetapi jika berlaku juga pertandingan kerana Umno mengamalkan demokrasi, ia janganlah pula membawa kepada perpecahan.

Mengenai keputusan beberapa Badan Perhubungan Umno Negeri yang menghalang pertandingan di peringkat bahagian masing-masing, beliau berkata, badan-badan itu mempunyai hak untuk membuat keputusan sedemikian tetapi tidak berhak untuk menguatkuasakannya.

"Kalau dia orang bersetuju barulah boleh tak ada pertandingan, ada pakatan tetapi yang tak mahu pakat, tak apalah," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menyifatkan golongan yang enggan mendengar nasihat beliau itu sebagai "iman tidak berapa kuat tetapi belum murtad lagi". -- BERNAMA

AH AKD